



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA UNTUK PARLIMEN TITIWANGSA BAKAL DILAKSANAKAN

**KUALA LUMPUR, 3 Februari 2018** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mengambil komitmen membangunkan semula perumahan Seri Perlis 2 di Datuk Keramat bagi mensejahterakan komuniti Parlimen Titiwangsa. Atas kapasiti perumahan awam yang melebihi 20 tahun, KWP di peringkat memuktamadkan cadangan bagi membangunkan semula kawasan perumahan Seri Perlis 2.

Tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” dilihat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat. Sebanyak 35 program telah disusun sepanjang bulan SHWP yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat sukan dan rekreasi serta program tanggungjawab sosial masyarakat. Antara aktiviti riadah yang diadakan semasa Kenduri 1WP adalah senam robik, pertandingan mewarna, sukaneka, persembahan pentas, pameran dan lain-lain.

Pelbagai inisiatif bagi mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kesejahteraan kehidupan warga Wilayah Persekutuan. Antaranya cadangan membangunkan projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) di kawasan tersebut. Selain itu DBKL akan berbincang dengan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi cadangan mendapat *time-off* dari jam 11.30 pagi sehingga 2.30 petang kepada pekerja-pekerja yang meletakkan kenderaan di pusat komersil Desa Pandan dan Taman Maluri. Walaubagaimanapun, kelonggaran meletakkan kenderaan di bahu jalan adalah tertakluk kepada syarat-syarat semasa serta tidak boleh menyulitkan pengguna jalan raya yang lain.

Melalui pelaksanaan Kenduri 1WP dapat menanam semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan rakyat. Selain itu, melalui pelaksanaan program ini, pemimpin berpeluang mendekati rakyat bagi mendengar permasalahan rakyat dan menangani isu-isu setempat dengan segera. Penyertaan warga Wilayah Persekutuan di dalam program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 akan dapat meningkatkan semangat kerjasama serta memupuk keharmonian sesama masyarakat.

**Disediakan oleh**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**